

**PENGLIBATAN KOMUNITI KAMPUNG PALL, MELAKA, DALAM  
PEMBANGUNAN PELANCONGAN MELALUI PENDEKATAN  
*PRO-POOR TOURISM***

**ROSLI BIN NOORUDDIN**

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar Dan Wilayah

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

MEI 2007

## ABSTRAK

Kajian kesediaan komuniti Kampung Pali terlibat dalam sektor pelancongan adalah melibatkan pelbagai kesanggupan “stakeholder” dalam memberi kerjasama kepada pembangunan pelancongan sebagaimana yang ditekankan oleh pendekatan Pro-Poor Tourism. Objektif dan matlamat utama kajian ini adalah untuk mendedahkan faktor-faktor halangan penglibatan komuniti dan sejauhmana tahap kesanggupan komuniti Kampung Pali untuk terlibat di dalam pembangunan pelancongan di Kampung Pali yang mempunyai pelbagai perspektif potensi. Untuk mencapai objektif dan matlamat tersebut, kajian ini telah menggunakan pendekatan berbentuk kualitatif melalui pengumpulan data secara temubual separa berstruktur. Kaedah ini secara psikologinya dapat mencungkil keadaan sebenar, persepsi dan minat terhadap pembangunan pelancongan dan kesanggupan untuk terlibat yang dapat dirumuskan untuk mencapai objektif dan matlamat kajian. Dengan analisis yang telah dibuat, didapati faktor utama yang menghalang komuniti Kampung Pali untuk terlibat adalah disebabkan oleh faktor perundangan yang berkaitan dengan Kampung Pali berstatus tanah wakaf milik Majlis Agama Islam Melaka (MAIM). Dengan menduduki tanah wakaf tersebut, komuniti enggan menerima sebarang pembangunan atas kebimbangan dengan pembangunan tersebut MAIM akan bertindak memaksa penduduk berpindah keluar daripada Kampung Pali yang sekali gus menjejaskan kepentingan dan kelebihan-kelebihan penduduk yang telah beberapa generasi menduduki kampung tersebut. Walaubagaimanapun, komuniti Kampung Pali sanggup untuk terlibat dalam pembangunan pelancongan dengan kemahuan-kemahuan dan kepentingan mereka di Kampung Pali diutamakan. Agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang terlibat juga telah sanggup memberi sokongan dan kerjasama dalam membantu membangunkan Kampung Pali. Dengan kesanggupan tersebut juga memaksa beberapa strategi-strategi pembangunan dirancang sebagai cadangan kepada kajian ini untuk memberi galakan dan sokongan kepada komuniti. Strategi-strategi tersebut adalah berlandaskan pendekatan Pro-Poor Tourism seperti mendedahkan komuniti kepada latihan-latihan, menyalurkan bantuan kewangan dan bukan kewangan, mengolah pembangunan dengan sumber-sumber yang ada dan sebagainya lagi ke arah membuka peluang kepada komuniti menjana keuntungan dengan tidak menyekat peluang-peluang yang ada. Dengan terlaksananya strategi-strategi tersebut, proses perancangan pembangunan dilihat akan menjurus kepada sistem dari bawah ke atas (bottom up approach) yang melibatkan komuniti dalam membuat keputusan. Cadangan-cadangan ini juga akan mempengaruhi ruang spatial dan persekitaran Kampung Pali dengan terbangunnya beberapa pembangunan fizikal bagi menyokong pembangunan pelancongan di Kampung Pali

## ABSTRACT

Readiness study for Pali Village's community in tourism sector was related with the willingness of various stakeholders in their cooperation for tourism development which has been emphasized in Pro-Poor Tourism approach. The goal and objective of this study is prevailing the hindrance factor of community involvement and their willingness in tourism development sector which has various potential to develop. In achieves the goal and objectives, qualitative approach has been used with semi-structure interview for data collection. By psychology, this approach can expose the truth perception and interest in tourism development and willingness to involve in achieving those goal and objective. Base on analysis, the main factor that obstructed the involvement of the community is the land status. It was a *Wakaf* land which own by Majlis Agama Islam Melaka (MAIM). Because of that, community were refused to accept the development as they afraid to pursue by MAIM although they were generation living in this village. Despite of that, the community had their willingness to involve in tourism development as their interest and volition were eminent. Relate government and NGOs agencies also willing to support and cooperate in develop the village. Base on that, several strategies have been planned as proposal for this study to support and encourage the community. Those strategies were based on Pro-Poor Tourism approach such as training, for the community, finance and non-finance assist, pointing various development with existing resource to expose more opportunities for the village's development. With the implemented of those strategies, the planning development process will heading for bottom-up system which involves the community in decision making. With this proposal alternative, it can influence environment and spatial dimension of Pali Village with the development of several physical development in supporting the Pali Village's tourism development in the future